

PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH AGUNG
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

(40) dlm. JK/MA 16 Jilid (II).

14hb. September, 1992

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Hakim Kanan Mahkamah Sesyen.

Pendaftar Mahkamah Tinggi Borneo,
Kuching, Sarawak.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi,
Kota Kinabalu, Sabah.

Semua Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Agung/Tinggi,
Kuala Lumpur.

Pegawai Undang-Undang,
Bahagian Penyelidikan,
Mahkamah Agung.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi.

Tuan/Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR NO.3 TAHUN 1992
LARANGAN MEROKOK

Adalah dimaklumkan bahawa masih terdapat setengah-setengah Mahkamah yang belum menguatkuasakan sepenuhnya Surat Pekeliling Am Bilangan 12 Tahun 1982 mengenai pengharaman iklan rokok dan kempen anti merokok.

2. Tuan/Puan hendaklah memastikan langkah-langkah seperti berikut dilaksanakan sepenuhnya di Mahkamah/pejabat tuan/puan mulai 1hb. November. 1992.

- (i) Semua pegawai, kakitangan dan pekerja Mahkamah adalah dilarang merokok semasa betugas di Pejabat.
- (ii) Semua Persatuan dan Badan Sukan Mahkamah dilarang memasukkan iklan rokok di dalam apa-apa penerbitan.




- (iii) Bekas abu rokok tidak disediakan di mana-mana tempat termasuk di bilik mesyuarat dan bilik menanti orang awam.
- (iv) Notis melarang merokok diletakkan di bilik bicara, bilik mesyuarat, bilik menanti orang awam, kaunter-kaunter khidmat dan di dalam pejabat.
- (v) Semua pemandu kenderaan rasmi Mahkamah tidak dibenarkan menghisap rokok semasa bertugas.

3. Sila pastikan bahawa semua pegawai, kakitangan dan pekerja di bawah kawalan tuan/puan mematuhi langkah-langkah tersebut di atas dan tindakan tatatertib bolehlah diambil terhadap mereka yang ingkar perintah.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MOHD. HISHAMUDIN BIN HJ. MOHD. YUNUS)
Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia,
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.